

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : PERASMIAN PERSIDANGAN "PENGUKUHAN KELUARGA DI MALAYSIA KINI DAN MENJELANG ABAD KE DUA PULUH SATU"  
Lokasi : HOTEL CROWN PRINCESS, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 19-10-1994

Bismillahir rahmanir rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur saya ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan hidayah-Nya dapat kita bersama-sama hadir di majlis yang penuh bermakna ini.

2. Tahun ini adalah Tahun Antarabangsa Keluarga. Kita berkumpul beramai-ramai pada hari ini untuk bersama-sama memberi penghormatan dan penghargaan kepada keluarga.

3. Saya difahamkan Tahun Antarabangsa Keluarga antara lain adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan negara-negara mengenai isu-isu keluarga. Dalam hubungan ini Malaysia telah melancarkan Tahun Keluarga Antarabangsa pada 15hb. Mei, 1994 yang lalu. Saya difahamkan sempena tahun istimewa ini pelbagai aktiviti diatitkan dengan kesedaran bahawa keluarga itu adalah satu-satunya institusi yang penting dalam masyarakat.

4. Wawasan negara melalui Wawasan 2020 telah menekankan pentingnya diwujudkan satu masyarakat penyayang dan satu sistem sosial yang mengutamakan kepentingan masyarakat.

Kebajikan rakyat berkisar di sekitar sistem keluarga yang kukuh dan berdaya tahan. Proses perubahan sosio-ekonomi dan demographi sedang berlaku dengan pesatnya di seluruh dunia dan Malaysia. Proses ini juga mempengaruhi secara langsung corak pembentukan keluarga dan cara hidup berkeluarga di Malaysia.

5. Wawasan 2020 telah menekankan keluarga sebagai asas ke arah pengwujudan negara Malaysia yang kukuh dan maju. Keluarga sebagai unit asas masyarakat perlu diperkukuh, bersatupadu dan produktif agar dapat menghadapi cabaran-cabaran dalam persekitaran yang sentiasa berubah.

Kukuh keluarga maka kukuhlah masyarakat dan negara.

Pembangunan ekonomi dengan perubahan teknologi dan sistem komunikasi yang canggih pada lazimnya mempengaruhi caragaya hidup dan ini termasuklah nilai, sikap dan amalan ahli keluarga. Perubahan dalam cara hidup berkeluarga boleh merubah masyarakat kerana keluarga adalah benteng penerapan nilai-nilai murni kepada ahli-ahli keluarga, khususnya anak-anak.

6. Struktur dan komposisi keluarga juga telah berubah.

Kini di Malaysia 70 peratus daripada keluarga terdiri daripada Keluarga Asas dan hanya tinggal 30 peratus sahaja Keluarga Luas.

7. Keluarga Tradisional atau 'extended' yang terdiri daripada tiga generasi seperti datuk, nenek, ibu bapa dan anak-anak semakin berkurangan bukan sahaja di Malaysia malahan di Negara-negara Asia Pasifik yang lain. Ini adalah disebabkan antara lain penghijrahan ahli keluarga biasa untuk mencari peluang pekerjaan dan pendidikan yang lebih baik.

8. Di seluruh dunia, keluarga sebagai institusi sosial terus berkekalan malah dinamik keluarga telah berubah dan kini keluarga dalam keadaan 'transisi'. Kita sekarang telah sampai ke satu persimpangan 'crossroads' yang penting, iaitu di antara corak keluarga pada masa lepas, kini; dan bentuk pada masa hadapan. Persepsi, peranan dan fungsi keluarga juga turut berubah dan berbeza di antara kaum, agama dan negara.

9. Perubahan-perubahan ini telah membawa kepada beberapa implikasi tentang penjagaan dan

keselamatan ahli-ahlinya khususnya bagi penjagaan kanak-kanak, wargatua dan mereka yang cacat. Dahulu keluarga luas mempunyai saudara mara yang boleh memberi sokongan dan penjagaan ahli-ahli keluarga yang memerlukan jagaan khas. Kini dengan kelonggaran sistem keluarga luas, penjagaan lain atau 'alternative care' biasanya luar dari rumah perlu diperolehi.

Perubahan-perubahan ini adalah proses yang tidak dapat dielakkan dan adalah cabaran yang perlu dihadapi oleh keluarga.

10. Hari ini ramai wanita sudah bekerja. Ini adalah satu petanda kemajuan kerana wanita diberi peluang untuk bekerja dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi keluarga dan negara. Dalam keadaan ini, implikasinya perlu dikaji daripada segi penjagaan anak dan ahli-ahli keluarga lain kerana tanggungjawab ini lazimnya dipikul oleh wanita.

Justeru itu, sistem sosial kita mestilah mengambilkira peranan wanita yang 'multiple' ini supaya seimbang. Dalam hal ini kemudahan untuk penjagaan anak-anak dan pusat harian untuk orang tua dan cacat adalah antara usaha-usaha yang boleh dimajukan oleh majikan dan lain-lain golongan.

11. Perubahan ini diandaikan disebabkan oleh pendidikan wanita yang semakin tinggi dan peluang bekerja yang semakin banyak. Wanita yang berpendidikan boleh mendidik anak-anak mereka ke arah generasi yang berilmu untuk sumber manusia negara.

12. Sungguhpun perubahan akan terus berlaku dalam masyarakat, institusi keluarga akan tetap menjadi tonggak pembangunan negara dan akan terus menjadi unit utama penjagaan, perlindungan dan pengasuhan kanak-kanak.

Keluarga menjadi persekitaran yang penting untuk perkembangan kanak-kanak dan pembentukan akhlak, sikap dan watak generasi muda. Kenyataan "Semuanya Bermula Dari Rumah Dan Dari Keluarga" tidak boleh dinafikan. Personaliti dan intelek seseorang kanak-kanak dibentuk sejak kecil lagi dengan pengaruh utama keluarga dan akan berkekalan sehingga ke dewasa. Jika insan ini dibesarkan dengan penuh perhatian, kasih sayang dan bimbingan mulia, mereka akan menjadi seorang yang berhemah tinggi dan akan meneruskan budaya ini apabila mendirikan rumahtangga sendiri. Justeru itu, peranan ibu bapa dan ahli keluarga amat penting untuk mewujudkan keluarga dan masyarakat penyayang, beretika dan berkualiti.

13. Apa yang perlu difikirkan sekarang bukannya bagaimana untuk mengelakkan perubahan-perubahan ini tetapi bagaimana untuk menyesuaikan perubahan-perubahan ini dengan penghidupan berkeluarga, di samping mengekalkan nilai-nilai murni dan tradisional kekeluargaan timur. Baru-baru ini di Persidangan Antarabangsa kependudukan di Kaherah, corak dan pembentukan keluarga didebat dengan hebat dan menjadi satu isu kontroversi.

14. Pembentukan keluarga di negara-negara barat kini telah berubah kepada corak hidup bersama pasangan tanpa bernikah.

Kita di Malaysia harus berjaga-jaga dan jangan dipengaruhi oleh budaya-budaya asing yang bercanggah dengan agama, budaya, etika dan tradisi kita. Erti "Keluarga" bagi kita ialah keluarga yang dibentuk secara sah dengan nikah atau pendaftaran mengikut kaum. Malaysia terus berpegang teguh kepada pendirian ini. Keruntuhan akhlak, nilai dan penyakit "Bohsia" harus di pandang dari awal lagi.

15. Dalam hal ini, keluarga wajib menyumbang bukan sahaja kepada ekonomi negara tetapi daripada segi menyediakan penduduk dan generasi baru yang berkualiti dan produktif di samping sentiasa berusaha memperbaiki keadaan dan kesejahteraan hidup berkeluarga. Ibu bapa sebagai ketua keluarga adalah 'Role Model' kepada anak-anak.

Kecemerlangan atau kerosakan akhlak anak-anak bergantung kepada kepimpinan, dorongan, galakan serta penyeliaan ibu bapa.

16. Begitu juga daripada segi pembentukan faktor kematangan dan perpecahannya akan terus berubah. Dalam keadaan demikian, sesebuah keluarga itu mesti sentiasa mampu menghadapi cabaran-cabaran seperti pertambahan tanggungjawab untuk menentukan kestabilan, kepuasan, motivasi dan moral yang tinggi di kalangan ahli-ahlinya.

17. Kecemerlangan sesuatu bangsa boleh dilihat dan dinilai daripada darjah peradaban dan tahap ketamadunan sesuatu bangsa itu. Begitu juga dengan kemuliaan maruah bangsa Malaysia. Ianya bergantung kepada kesungguhan mempertahankan dan memperkukuhkan institusi keluarga.

18. Peranan keluarga dalam pembangunan sumber manusia memang sudah diiktiraf oleh ahli-ahli perancang pembangunan.

Pembangunan manusia tidak berlaku dengan sendirinya tetapi perlu diusahakan oleh setiap individu sebagai ahli keluarga dan ahli masyarakat. Sebagai seorang ibu, bapa, anak, saudara atau rakan kita semua mempunyai tanggungjawab dan peranan tertentu. Semangat tanggungjawab ini perlu dipupuk bersama di antara ahli-ahli keluarga dan saling bantu membantu, hormat menghormati dan sayang menyayangi antara satu sama lain.

19. Antara amalan yang boleh dipraktikkan oleh setiap keluarga untuk penghidupan keluarga berkualiti ialah memupuk kasih sayang dan hubungan mesra; mengamalkan sikap berakhlak mulia; tabiat yang baik; bersikap positif dan sihat; menyelia pergaulan untuk menjauhi gejala-gejala tidak sihat, memberi perlindungan, menjaga keselamatan serta kesihatan ahli keluarga. Perlindungan, keselamatan dan kesihatan keluarga membawa kepada keselamatan dan kesejahteraan negara.

20. Saya difahamkan bahawa selaras dengan objektif negara untuk mempertingkatkan kualiti penduduk, satu pakej latihan pembangunan keluarga yang komprehensif dan berunsur modul telah dirangka dan sedang dilaksanakan melalui pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan di bawah penyelarasan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Di samping itu, program pembangunan keluarga yang dilaksanakan meliputi aktiviti-aktiviti kebajikan keluarga, pendidikan kekeluargaan, keibubapaan, kaunseling perkahwinan dan kekeluargaan dan penyelidikan.

21. Saya percaya persidangan ini akan membincangkan isu-isu kekeluargaan dengan lebih mendalam dan berharap pandangan-pandangan dan syor-syor yang dikemukakan akan dapat memantapkan lagi program kekeluargaan dan pembangunan keluarga. Dengan adanya program-program seperti ini anak-anak yang bakal menentukan kecemerlangan bangsa Malaysia dapat dididik dan dibentuk dengan sempurna oleh keluarga.

22. Saya mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang telah melapangkan masa menghadiri persidangan ini. Saya difahamkan bahawa persidangan ini dianjurkan berasaskan keluarga luas, iaitu disertai oleh nenek atau datuk, ibu bapa dan anak. Semoga interaksi yang terbuka ini akan merealisasikan satu program yang boleh dilaksanakan oleh setiap keluarga di Malaysia.

23. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan persidangan kebangsaan "Pengukuhan Keluarga Di Malaysia Kini Dan Menjelang Abad Ke Dua Puluh Satu".

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

\*\*\*\*\*